



**LAPORAN TAHUNAN
CAWANGAN PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
PERUBATAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia

2020

Isi Kandungan

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Kata Aluan Ketua Penolong Pegawai Perubatan	2
2	Ahli Jawatankuasa Laporan Tahunan	3
3	Pengenalan	4
4	Skop dan Fungsi Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan - Sektor Amalan Profesion - Unit Pendaftaran & Perakuan Pembaharuan Tahunan - Unit Perwartaan - Unit Kawalan Amalan, Aduan & Sekretariat - Sektor Pembangunan Profesion - Unit Latihan Asas Pembantu Perubatan - Unit Akreditasi dan Peperiksaan - Unit Perkembangan Profesion & PPK - Unit Program Penempatan Wajib - Sektor Dasar & Perancangan Strategik - Unit Pengurusan Modal Insan & Perjawatan - Unit Penyelidikan, Kualiti & Inovasi - Carta Organisasi	4 6 8 10
5	Aktiviti, Data dan Beban Tugas Sektor Amalan Profesion	11
6	Aktiviti, Data dan Beban Tugas Sektor Pembangunan Profesion	20
7	Aktiviti, Data dan Beban Tugas Sektor Dasar dan Perancangan Strategik	37
8	Unit Kewangan	66
9	Pencapaian Pelan Strategik (6P)	68

Kata-kata Aluan



Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Laporan Tahunan, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan (CPPPP) atas penerbitan Laporan Tahunan Tahun 2020 buat kali kelima.

Penghasilan Laporan Tahunan Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan merupakan satu usaha dan inisiatif bagi memenuhi keperluan sumber maklumat serta data yang berkaitan, sejajar dengan perkembangan skop dan fungsi Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dewasa ini. Selain daripada menjalankan fungsi cawangan mengikut Akta 180 Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977, CPPPP juga bertanggungjawab menyelaraskan perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Hospital Estet dan Pembantu Perawatan Kesihatan. Untuk tujuan tersebut data dan maklumat berkaitan dengan ketiga-tiga perkhidmatan tersebut perlu direkod, disimpan dan dikemaskini secara sistematik bagi tujuan urustadbir dan perkembangan perkhidmatan profesion tersebut di masa hadapan.

Laporan tahunan ini juga diharap dapat membantu semua unit, cawangan dan bahagian di Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak swasta serta NGO untuk mengguna pakai maklumat yang terkandung di dalam Laporan Tahunan ini sebagai salah satu sumber rujukan.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat memberikan segala maklumat dalam menyediakan laporan yang komprehensif ini. Semoga usaha yang berterusan ini akan dikekalkan dan sebarang kekurangan di dalam Laporan Tahunan keluaran kali ini akan diperbaiki pada masa akan datang.



Joseph Bin Kajangan
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia,
Kementerian kesihatan Malaysia.

AHLI JAWATANKUASA LAPORAN TAHUNAN

PENGERUSI	- Encik Joseph Bin Kajangan
SETIAUSAHA	- Encik Zulhelmi Bin Abdullah
PEN. SETIAUSAHA	- Encik Ahmad Suhiamin Bin Mohd Subidin
AHLI	- Tuan. Hj. Mahadir Bin Yunos - Encik Alias Bin Abu Hassan - Encik Johaibe Bin Bujang - Encik Mohd Faris Bin Abdul Rashid - Encik Zulkifli Bin Muhammad - Encik Mohammad Fauzi Bin Shamsuddin - Tuan. Hj. M.Shazan Amir Bin M Sakdon - Encik Hasri Bin Ahmad - Encik Sadri Bin Saidi - Encik Saiful Bahari Bin Mohamad Shah - Encik Che Mohd Tahar Bin Che Husin - Encik Adnan Bin Md Dali - Encik Zahrul Zamzuri Bin Mohtar - Encik Asmawi Bin Abdullah - Encik Ahmad Yusri Bin Mohd Radzi - Tuan. Hj. Mat Shariff Bin Hj.Budin - Y.M Engku Mohd Nazri Engku Mansor - Encik Nasir Bin Ramli - Encik Mohd Azyus Bin Che Mohd Yusoff - Encik Muhammad Falah Bin Abu Bakar - Puan Siti Nurjustie Khalishah Lausin Abdullah

LAPORAN TAHUNAN CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN 2020

1.0 PENGENALAN

Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan(CPPPP) merupakan organisasi yang mengurustadbir profesion Penolong Pegawai Perubatan di Malaysia dari aspek Amalan, Pembangunan Profesion serta Dasar dan Perancangan Strategik . Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan juga bertanggungjawab menjaga profesion Pembantu Hospital Estet dibawah Lembaga Pembantu Hospital Estet dibawah Akta 435 Pendaftaran Hospital Estet 1965. Selain itu, Profesion Pembantu Perawatan Kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia telah diletak di bawah tanggungjawab Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan sejak tahun 2015.

2.0 SKOP DAN FUNGSI CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

2.1 LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN

Sektor Amalan Profesion merupakan sektor yang bertanggungjawab di dalam perkara berkaitan penguatkuasaan Akta 180 (Pembantu Perubatan), Akta 435 (Pembantu Estet) dan juga urusan aduan pelanggan. Sektor ini terdiri dari 4 unit utama iaitu Unit Pendaftaran dan Pembaharuan, Unit Pewartaan dan Unit Kawalan Amalan dan Aduan. Unit pendaftaran dan pembaharuan juga mempunyai sub unit tersendiri iaitu Unit Pendaftaran Pembantu Hospital Estet yang bertanggungjawab menguatkuasa akta 435.

2.1.1 UNIT PENDAFTARAN & PERAKUAN PEMBAHARUAN TAHUNAN

- i. Memastikan mana-mana individu yang berhak (memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Akta 180) didaftarkan sebagai Pembantu Perubatan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya
- ii. Memastikan senarai nama Pembantu Perubatan yang berdaftar .
- iii. Memastikan semua Pembantu Perubatan yang menjalankan amalan mempunyai Perakuan Pembaharuan Tahunan
- iv. Memastikan langkah-langkah tindakan memotong nama dari daftar nama Pembantu Perubatan mengikut Seksyen 14 Akta 180 Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977 jika berkaitan.
- v. Bertindak sebagai urusetia dan sekretariat bagi mesyuarat Lembaga Pembantu Perubatan

2.1.2 LEMBAGA PEMBANTU HOSPITAL ESTET

I. Sebagai Lembaga Pendaftar Mengikut Akta 435 :

Membuat pendaftaran kepada individu yang berhak untuk didaftarkan sebagai Pembantu Hospital Estet Percubaan dan yang berkeelayakan selepas mereka lulus peperiksaan gred masing-masing dalam peperiksaan yang ditetapkan.

II. Menyelaras dan menjalankan peperiksaan Lembaga Pembantu Hospital Estet.

Untuk menjalankan peperiksaan tahunan kepada Pembantu Hospital Estet Gred I, II, & III dan mengeluarkan sijil kepada calon-calon yang lulus peperiksaan. Menguruskan keperluan peperiksaan bagi Pembantu Hospital Estet Gred I, II & III.

III. Penyeliaan dan pemantauan

Pemantauan dari semasa ke semasa di Hospital dan Klinik Estet untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan adalah mengikut standard minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.1.3 UNIT PEWARTAAN

- i. Bertanggungjawab di dalam memastikan semua Pembantu Perubatan yang telah didaftarkan di dalam daftar Pembantu Perubatan disiarkan di dalam warta selepas 1 Januari dan tidak lewat dari 31 Mac setiap tahun.
- ii. Memastikan mana-mana Pembantu Perubatan yang telah hilang kelayakan sebagai Pembantu Perubatan bila mana namanya telah dipotong dari daftar disiarkan di dalam warta untuk makluman umum
- iii. Memastikan nama mana-mana Pembantu Perubatan yang didaftarkan semula di dalam daftar Pembantu Perubatan disiarkan di dalam warta untuk makluman umum

2.1.4 UNIT KAWALAN, ADUAN & SEKRETARIAT

- i. Pemantauan dan kawalan ke atas setiap Pembantu Perubatan mengikut Akta 180 Pembantu Perubatan (Pendaftaran).
- ii. Mengendalikan aduan-aduan berkaitan Penolong Pegawai Perubatan
- iii. Menyelaras draf Rang Undang-Undang Penolong Pengamal Perubatan

2.2 SEKTOR PEMBANGUNAN PROFESION

Merancang, membangun dan menilai pelaksanaan aktiviti program pendidikan Lembaga Pembantu Perubatan Ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan Penolong Pegawai Perubatan bagi memastikan objektif dan halatuju perkhidmatan tercapai dalam melahirkan Penolong Pegawai Perubatan yang mempunyai daya pemikiran dan kopetensi tinggi serta memenuhi kehendak perkhidmatan kesihatan semasa

2.2.1 UNIT LATIHAN ASAS PEMBANTU PERUBATAN

- i. Semakan Garispanduan '*Standard And Guidelines For Medical Assistant Education Programme 2010*'
- ii. Menyelaras & semakan semula Kurikulum Program DMA Pemantauan Pengambilan / kemasukan pelajar ke Program '*Diploma Medical Asisstant*' (DMA).
- iii. Pemantauan Peperiksaan Semester & OSCE
- iv. Pemantauan perjalanan latihan asas Pembantu Perubatan
- v. Pemantauan terhadap keterampilan dan disiplin pelajar kursus latihan asas Pembantu Perubatan.
- vi. Menyediakan laporan untuk pengesahan Setiausaha LPP

2.2.2 UNIT AKREDITASI DAN PEPERIKSAAN

- i. Tenaga Pakar bagi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk Lawatan Akreditasi Sementara/Penuh di IPTA/IPTS.
- ii. Menguatkuasakan pematuan terhadap Garis Panduan '*Standard And Guidelines For Medical Assistant Education Programme 2010*'
- iii. Lawatan pematuan program Diploma Pembantu Perubatan secara berkala terhadap IPTA / IPTS.
- iv. Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan.
- v. Penggubalan, Pengeditan dan Pemilihan soalan untuk Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan.
- vi. Menyediakan bank soalan bagi Peperiksaan LPP untuk tujuan simpanan LPP.
- vii. Menyelaras perlaksanaan Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan.
- viii. Mengeluarkan keputusan Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan bagi tujuan pendaftaran Lembaga Pembantu Perubatan.
- ix. Menyelaras permohonan IPTA/IPTS bagi penggunaan fasiliti KKM (perubatan dan kesihatan) untuk tujuan latihan klinikal bagi program Diploma Pembantu Perubatan dan program - program ijazah yang telah diiktiraf oleh Lembaga Pembantu Perubatan.

2.2.3 UNIT PROGRAM PENEMPATAN WAJIB (PPW)

- i. Menyelaras pelaksanaan PPW kepada semua Penolong Pegawai Perubatan (PPP) lantikan baharu di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- ii. Memantau pelaksanaan PPW di setiap pusat latihan amali.
- iii. Menyediakan laporan PPW untuk pengesahan Setiausaha LPP.
- iv. Menyerahkan laporan PPW kepada Bahagian Sumber Manusia KKM untuk Penempatan kedua.
- v. Membangunkan modul PPW, menyelaras pelaksanaan dan melakukan semakan semula.
- vi. Menganjurkan latihan kepada preceptor tempatan.
- vii. Bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mengadakan mesyuarat dan latihan preceptor tempatan.
- viii. Memproses permohonan pusat latihan baharu.
- ix. Tugas lain berkaitan perkhidmatan PPP di bidang kecemasan dan rawatan pra hospital.
- x. Membangunkan Garis Panduan Program Penempatan Wajib dan pengurusan PPW dengan penyakit bawaan darah.

2.2.4 LATIHAN EMERGENCY MEDICAL RESCUE SERVICES (EMRS)

- i. Sebagai sekretariat aktiviti latihan EMRS bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ii. Menyelaras pembangunan modul latihan.
- iii. Menyelaras tugas jurulatih bagi setiap siri kursus *First Responder EMRS*.
- iv. Menyelaras bahan-bahan kursus dan peralatan latihan bagi setiap siri kursus *First Responder EMRS*.
- v. Menyelaras penempatan praktikal peserta kursus *First Responder EMRS di hospital*.
- vi. Menyediakan laporan kursus *First Responder EMRS* untuk penilaian Jawatankuasa latihan EMRS.
- vii. Menyediakan sijil tamat dengan jayanya kepada peserta yang lulus.
- viii. Menganjurkan kursus *Train Of Trainers (TOT)* untuk aktiviti latihan EMRS.
- ix. Menyelaras pentauliahan jurulatih dan preceptor tempatan aktiviti latihan EMRS.

2.2.5. Latihan Pegawai Keselamatan Kebakaran (Fire safety Officer)

- i. Menganjurkan Kursus Pegawai Keselamatan Kebakaran kepada Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Hospital, Pejabat Kesihatan daerah dan Institusi KKM.
- ii. Terlibat dalam pembangunan modul bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- iii. Terlibat dengan Mesyuarat berkaitan *Fire safety Officer*

2.2.7. Aktiviti-aktiviti lain berkaitan profession Penolong Pegawai Perubatan :

- i. Menganjurkan bengkel pakaian Penolong Pegawai Perubatan bagi Perkhidmatan Rawatan Pra- Hospital dan Ambulans
- ii. Terlibat dalam pembangunan kerangka kamus kompetensi bersama Bahagian Pembangunan kompetensi

2.3 SEKTOR DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK

Melaksanakan pelan jangka pendek, jangka panjang dan pelan tindakan strategik untuk perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan dan memastikan keakuran terhadap dasar yang diamalkan serta mengkaji impak keberkesananannya dari masa ke masa

2.3.1 UNIT PENGURUSAN MODAL INSAN DAN PERJAWATAN

a) Perjawatan

- i. Menyediakan unjuran perjawatan pelbagai gred Penolong Pegawai Perubatan di KKM, kader-kader dan swasta seluruh negara.
- ii. Menjalankan urusan permohonan perjawatan bagi perjawatan Penolong Pegawai Perubatan di KKM dan Kader.
- iii. Mencadangkan penempatan Penolong Pegawai Perubatan yang dinaikkan pangkat dan permohonan pertukaran antara negeri mengikut kepentingan perkhidmatan.
- iv. Mengadakan kursus kepimpinan bagi Penolong Pegawai Perubatan yang mendapat kenaikan pangkat.
- v. Mengadakan kursus pengkhususan jangka pendek bagi Penolong Pegawai Perubatan.
- vi. Mengadakan pengkalan data sumber manusia perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan.
- vii. Menyediakan unjuran perjawatan pelbagai gred Pembantu Perawatan kesihatan di KKM .
- viii. Menjalankan urusan permohonan perjawatan bagi gred Pembantu Perawatan kesihatan di KKM dan Kader.

b) Unit Teknikal

- i. Mewujudkan jawatankuasa teknikal setiap disiplin
- ii. Mewujudkan norma perjawatan Penolong Pegawai Perubatan dari U29-U54
- iii. Mengemaskini beban tugas Penolong Pegawai Perubatan Gred U29-U54 mengikut perkembangan semasa
- iv. Mengemaskini SOP yang telah sedia ada dan mengadakan SOP baru mengikut keperluan semasa.
- v. Mobilisasi anggota Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan ketika menghadapi Pandemik Covid-19.

2.3.2 UNIT PENYELIDIKAN , KUALITI & INOVASI

a) Klinikal Audit

- i. Membangunkan dokumen klinikal audit bagi perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan mengikut keperluan
- ii. Mengadakan bengkel Klinikal Audit 2 kali setahun
- iii. Menganalisa laporan audit klinikal PPP 2 kali setahun
- iv. Membuat laporan pencapaian audit klinikal

b) Akreditasi Hospital (*Standard 25 Medical Assisstant Services*)

- I. Menyelaras pembangunan standard akreditasi bagi perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan di hospital-hospital.
- II. Memantau dan membuat laporan pencapaian standard akreditasi perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan di hospital-hospital.

c) *Key Performance Indicator (KPI)*

- i. Membangun dan mewujudkan KPI baru mengikut keperluan semasa.
- ii. Memantau kualiti perkhidmatan dan mengenalpasti isu-isu berkaitan yang dijalankan oleh PPP berada ditahap yang optima.
- iii. Melakukan analisa, pembentangan, penyediaan laporan, semakan dan pengesahan data di peringkat KKM


d) Unit *Credentialing*

- I. Mewujudkan pangkalan data *Credentialing* Untuk PPP.
- II. Membantu membangunkan dokumen bagi perkhidmatan/disiplin baru yang bakal di *Credential*
- III. Memproses semua permohonan untuk di *Credentialing* Pengesahan data yang berkaitan dengan proses *Credentialing*
- IV. Menyediakan laporan *Credentialing* seperti yang dikehendaki. Memantau dan merekod keputusan *Credentialing* bagi PPP
- V. Menyediakan sijil dan lencana sebagai pengiktirafan kepada PPP yang lulus di *Credential*

2.3.3 UNIT PERKEMBANGAN PROFESION DAN PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN (PPK)

- i. Merancang pembangunan kerjaya (*career pathway*) berdasarkan halatuju skim perkhidmatan PPP, PPK dan KKM
- ii. Menyediakan *road map* bagi latihan dan pembelajaran kepada PPP dan PPK kearah memantap, memperkasakan dan memperkayakan dengan pengetahuan dan kemahiran.
- iii. Menjalankan kursus Tahap 3 bagi Perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan bagi disiplin Forensik, CSSU, Dewan Bedah, *Physiotherapy* dan Psikiatrik.
- iv. Memantau, menganalisa dan menyediakan laporan kursus tahap 1 dan 2 yang dijalankan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing.
- v. Merancang dan melaksanakan program-program untuk meningkatkan perkhidmatan yang disampaikan oleh Pembantu Perawatan Kesihatan.

2.4 CARTA ORGANISASI CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN



3. AKTIVITI, DATA DAN BEBAN TUGAS SEKTOR AMALAN PROFESION

3.1 UNIT PENDAFTARAN DAN PERAKUAN PEMBAHARUAN TAHUNAN

3.1.1 Objektif Kualiti Pendaftaran

Bagi mencapai objektif pendaftaran, objektif kualiti diwujudkan dan dipantau seperti berikut:

“85% permohonan untuk Borang 3 (Peraturan 16 (1)) Perakuan Pendaftaran sebagai Pembantu Perubatan dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia yang lengkap akan disiapkan dalam tempoh DUA (2) bulan dari tarikh Perakuan Pendaftaran yang ditetapkan oleh Setiausaha Lembaga Pembantu Perubatan”.

3.1.2 Prestasi Pendaftaran Tahun 2020

Bulan	Jumlah pendaftaran	Jumlah pematuhan	Jumlah tidak patuh	Peratus
November 2019	132	132	0	100%
Disember 2019	1	1	0	100%
Jan	347	347	0	100%
Feb	143	143	0	100%
Mac	34	34	0	100%
April	9	9	0	100%
Mei	0	0	0	100%
Jun	0	0	0	100%
Julai	21	21	0	100%
Ogos	0	0	0	100%
September	25	25	0	100%
Oktober	60	60	0	100%

3.1.3 Laporan Pendaftaran Penolong Pegawai Perubatan Dari Tahun 2018 Hingga 2020


BIL	PERKARA	TAHUN		
		2018	2019	2020
1	Bilangan PP yang berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan.	24,162	26,185	26,841
2	Bilangan PP yang berdaftar setelah pelaksanaan Seksyen 14 Akta 180. (Pemotongan nama akibat kematian)	23,432	24,241	26,060
3	Bilangan PP yang berdaftar (AWAM)	19,852	21,373	21,768
4	Bilangan PP yang berdaftar (SWASTA)	4,310	4,812	5,073
5	Jumlah PP Lelaki yang berdaftar	20,200	21,511	21,907
6	Bilangan PP Perempuan Yang berdaftar	3869	4,661	4,934

3.1.4 Data Pendaftaran Penolong Pegawai Perubatan Baru dari Kolej Awam Dan Kolej Swasta dari Tahun 2016 hingga 2020

No.	Kolej	Jantina	Tahun				
			2016	2017	2018	2019	2020
KOLEJ AWAM							
1.	Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia	L	1379	980	1,237	1170	306
		P	431	291	285	338	89
2.	Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN) Kem Terendak, Melaka	L	0	0	0	9	0
		P	0	0	0	4	0
KOLEJ SWASTA							
3.	Kolej KIST, Kelantan	L	15	0	0	0	0
		P	42	0	0	0	0
4.	Kolej i-System Kuching, Sarawak	L	9	7	0	17	3
		P	19	19	0	38	8
5.	Kolej i-System Klang, Selangor	L	0	0	0	0	0
		P	0	0	0	0	0

6.	Management and Science University (MSU), Selangor	L	6	2	6	14	3
		P	19	15	21	38	7
7.	Kolej Antarabangsa Murni, Negeri Sembilan	L	0	1	0	63	8
		P	0	4	5	129	24
8.	Kolej University WIDAD, Pahang	L	0	2	2	3	1
		P	5	6	7	8	2
9.	PUSRAWI <i>International College of Medical Sciences</i> (PICOMS)	L	16	52	0	40	49
		P	39	153	0	47	107
10.	Ramsey Sime Darby Selangor	L	23	5	4	4	5
		P	53	36	17	45	18
11.	Kolej Antarabangsa (KATPM), Perlis	L	2	2	3	0	0
		P	11	6	9	0	0
12.	Lincoln University College Selangor	L	5	1	4	0	0
		P	8	2	19	0	2
13.	Kolej ITA, Sarawak	L	3	0	8	3	0
		P	6	0	9	9	2
14.	University Of Cyberjaya	L	0	1	4	1	8
		P	0	6	12	5	10
15.	UniKL MESTECH, Kajang	L	0	4	3	7	0
		P	0	10	14	27	0
17.	Kolej Geomatika, Kuala Lumpur	L	0	0	0	3	0
		P	0	0	0	4	6
18.	DSH Institute Of Technology, Setapak Kuala Lumpur (DIT)	L	0	0	0	0	0
		P	0	0	0	1	0
JUMLAH			2,091	1,605	1,669	2,023	658

3.1.5 Taburan Pendaftaran Penolong Pegawai Perubatan baru dari Kolej Awam Dan Kolej Swasta Tahun 2020



3.1.6 Prestasi Perakuan Pembaharuan Tahunan Bagi Tahun 2020

Pengeluaran ARC/PPT sehingga Disember 2020

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Permohonan	20,582
2	Selesai diluluskan	19,795
3	Dokumen tidak lengkap	787
4	Peratus Pencapaian	96.0%

3.1.7 Pembaharuan Amalan Tahunan Penolong Pegawai Perubatan Mengikut Perbandingan Permohonan Arc/Ppt Selama Lima Tahun

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
JUMLAH PERMOHONAN ARC	14,129	15,527	18,079	19,094	20,582

3.1.8 Penilaian Kompetensi

Bagi 2020, penilaian kompetensi kepada Pembantu Perubatan berdaftar yang gagal memohon pembaharuan Perakuan Pembaharuan tahunan satu tahun atau lebih telah dilaksanakan sebanyak 38 sesi termasuk secara *walk in*. Analisa bagi penilaian kompetensi adalah sepertimana di jadual:

TAHUN	PERMOHONAN			KEPUTUSAN RAYUAN		
	AWAM	SWASTA	JUMLAH	PERLU JALANI PENILAIAN	TIDAK PERLU JALANI	JUMLAH
2018	701(71%)	280(29%)	981	893(91%)	88(9%)	981
2019	662(73%)	236(27%)	898	879(98.8%)	9(1.2%)	889
2020	891(47%)	996(53%)	1887	1531(81%)	356(19%)	1887

TAHUN	CALON PENILAIAN	PANGGILAN PENILAIAN	HADIR PENILAIAN	GAGAL HADIR	MOHON TUNDA PENILAIAN	KEPUTUSAN PENILAIAN KOMPETENSI	
						LILUS	GAGAL
2020	1887	1887	1401	480	6	1316	85

3.2. LEMBAGA PEMBANTU HOSPITAL ESTET (LPHE)

3.2.1 Bilangan Pembantu Hospital Estet mengikut negeri

NEGERI	JUMLAH LADANG	JUMLAH KLINIK	BIL. PEMBANTU HOSPITAL ESTET
Perlis	4	1	1
Kedah	109	36	30
Pulau Pinang	9	1	2
Perak	360	82	93
Selangor	83	30	36
Negeri Sembilan	103	50	47
Melaka	65	14	13
Johor	326	131	119
Pahang	338	69	71
Terengganu	104	21	24
Kelantan	130	11	42
Sarawak	539	38	26
Sabah	1960	200	177
JUMLAH	4130	684	681

**Sumber Jabatan Tenaga Kerja*

3.2.2 Jumlah Pendaftaran PHE melalui Sistem Bless dalam tempoh 5 Tahun

TAHUN	PERCUBAAN	GRED	JUMLAH
2016	102	17	119
2017	29	22	51
2018	58	26	84
2019	34	68	102
2020	25	52	77

3.2.3 Laporan Peperiksaan LPHE 2020

Peperiksaan LPHE pada tahun ini tidak dapat dijalankan disebabkan situasi wabak Covid-19 yang melanda negara sekarang ini.

3.2.4 Laporan aktiviti LPHE 2020

BIL	AKTIVITI	CATATAN
1	Pembentangan POA.	Januari
2	Bengkel Pendaftaran PHE pelbagai Gred melalui sistem Bless di KK Sandakan, Sabah	21 – 22 Feb
3	Iklan peperiksaan LPHE.	1 Mac – 30 Jun
4	Mesyuarat J/K Pendidikan Bil 1	26 Mac
5	Lawatan Pemantauan ke Klinik Estet	Dibatalkan
6	Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan LPHE	Dibatalkan
7	Peperiksaan LPHE	Dibatalkan
8	Mesyuarat Ahli LPHE ke 105.	11 Disember (Ditunda)

3.3 UNIT KAWALAN AMALAN , ADUAN & SEKRETARIAT

3.3.1. Laporan Aduan bagi Tahun 2020

Jumlah keseluruhan aduan dan pertanyaan tahun 2020 adalah sebanyak 13 kes dan status aduan adalah selesai dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tindakan siasatan aduan diambil dengan menghantar surat rasmi memohon siasatan awal kepada Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri yang terlibat untuk menyiasat dan memberikan keputusan laporan penuh manakala bagi maklumbalas pertanyaan pula dilakukan secara terus oleh Sekretariat Lembaga Pembantu Perubatan melalui emel dan menghantar surat secara rasmi kepada pihak berkenaan. Berikut dilampirkan laporan aduan / pertanyaan tahun 2020.

BIL	TARIKH	KAEDAH ADUAN	JENIS ADUAN / PERTANYAAN	STATUS ADUAN
1.	21 Jan 2020	Surat aduan bertulis tanpa nama penghantar	Aduan berkaitan Pembantu Perawatan Kesihatan Hospital Kuala Lumpur	Selesai
2.	24 Jan 2020	Aduan melalui SISPAA	SISPAA Aduan bertajuk Tidak Menjaga Nama Baik Agensi	Selesai
3.	7 Feb 2020	Aduan melalui SISPAA	Surat aduan berkaitan Presiden Kesatuan PPP Malaysia	Selesai
4.	15 Apr 2020	Aduan melalui panggilan telefon	Pegawai tidak memperbaharui Perakuan Pembaharuan Tahunan mulai tahun 2015	Selesai
5.	29 April 2020	Surat aduan bertulis tanpa nama penghantar	Salahlaku seorang PPP Jab Kecemasan	Selesai
6.	18 Mei 2020	Aduan melalui SISPAA	PPP muat naik video di aplikasi <i>Tik Tok</i>	Selesai
7.	18 Jun 2020	Pertanyaan pengesahan status dari (APM) melalui emel	Memohon pengesahan bertulis status Pembantu Perubatan di APM	Selesai
8.	25 Jun 2020	Aduan melalui surat	Aduan ketidakpuasan hati dengan pihak penyeliaan PPP U32 di Unit Kecemasan dan Trauma	Selesai
9.	1 Sept 2020	Aduan melalui SISPAA	Aduan berkenaan PPP di Pusat Pemulihan Akhlak	Selesai
10.	1 Sept 2020	Aduan melalui SISPAA	Penolong Pegawai Perubatan di Unit Kecemasan Dan Trauma Hospital tidak bertanggungjawab	Selesai

11.	8 Okt 2020	Sumber dari Platform Tweeter	Tangkapan layar aplikasi <i>Tweeter</i> yang diterima oleh pihak kami, menunjukkan seorang PPP telah <i>retweeted</i> kenyataan yang berunsur provokasi terhadap YBMK oleh seorang lelaki didalam <i>Platform Tweeter</i>	Selesai
12.	8 Okt 2020	Sumber dari Platform Facebook	Tangkapan layar aplikasi Facebook berhubung tidak puas hati terhadap kakitangan dibilik cucian luka Klinik Kesihatan	Selesai
13.	23 Nov 2020	Pertanyaan dari Cawangan MedicoLegal BAP, KKM	Penjelasan berhubung polisi kebenaran Penolong Pegawai Perubatan menjalankan prosedur khatan di Jabatan Kecemasan Hospital Kerajaan	Selesai

3.3.2. Mesyuarat Lembaga Pembantu Perubatan Tahun 2020

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Lembaga Pembantu Perubatan	22 April 2020	Mesyuarat ditunda ke tahun 2021 disebabkan oleh Pandemik Covid-19
2.	Mesyuarat Lembaga Pembantu Perubatan	11 Nov 2020	Mesyuarat ditunda ke tahun 2021 disebabkan oleh Pandemik Covid-19

4.0 AKTIVITI, DATA BEBAN TUGAS SEKTOR PEMBANGUNAN PROFESION

4.1. UNIT LATIHAN ASAS PEMBANTU PERUBATAN

Bilangan dan jumlah pelatih bagi program Diploma Pembantu Perubatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) dan kolej swasta tahun 2020

4.1.1. Di Institusi Pengajian Swasta bagi Program Diploma Pembantu Perubatan 2020

BIL	NAMA PUSAT PENGAJIAN SWASTA	BIL PELATIH (L)	BIL PELATIH (P)	JUM PELATIH	JUM PENGAJAR	JUM CLINICAL INSTRUCTOR	JUM LOCAL PRECEPTOR
1	Kolej I System, Kuching Sarawak						
2	Management & Science University (MSU)	15	73	88	6	8	0
3	Kolej Antarabangsa MURNI	62	126	188	4	22	0
4	WIDAD UNIVERSITY COLLEGE	17	12	29	3	2	0
5	RAMSAY SIME DARBY Healthcare College	2	14	6	2	1	4
6	LINCOLN International University College	15	29	44	4	3	
7	PICOMS International University College	87	249	336	11	12	0
8	Cyberjaya University College of Medical Science	38	93	131	4	3	0
9	University Kuala Lumpur (UniKL)	36	92	128	4	4	0
10	GEOMATIKA International University College	10	25	35	3	2	0
11	Institut Latihan Kesihatan ATM (INSAN)	13	7	20	2	4	7
12	DSH Institut of Technology	33	115	148	4	1	0

Catatan :

Bagi Program Diploma ,
Nisbah Pengajar Sepenuh Masa dan Pelatih adalah 1 : 25
Nisbah *Clinical Instructor* dan Pelatih adalah 1 : 15

4.1.2 Bagi Program Diploma Pembantu Perubatan 2020

BIL	INSTITUSI LATIHAN KKM	BIL PELATIH (L)	BIL PELATIH (P)	JUM PELATIH	JUM PENGAJAR	JUM CLINICAL INSTRUCTOR	JUM LOCAL PRECEPTOR
1	KSKB SAS	406	89	495	21	8	120
2	KSKB JOHOR BHARU	304	102	406	14	4	111
3	KSKB KOTA KINABALU	237	148	385	18	1	*
4	KSKB KUCHING	235	141	376	11	3	53
5	ILKKM SEREMBAN	394	74	468	21	4	85
6	ILKKM ALOR SETAR	57	9	66	20	4	*

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 6 (PEPERIKSAAN LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN)
DIPLOMA PEMBANTU PERUBATAN DI INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA BAGI TAHUN 2020.

i) Sesi Januari hingga Disember 2020 (pengambilan Julai 2017)

BIL	INSTITUSI LATIHAN KKM	BIL PELATIH (SEMESTER 6)	BIL CALON MENDUDUKI PEPERIKSAAN	BIL CALON LULUS	BIL CALON GAGAL
1	KSKB SAS	88	88	88	0
2	KSKB JOHOR BHARU	82	82	82	0
3	KSKB KOTA KINABALU	70	70	70	0
4	KSKB KUCHING	69	69	69	0
5	ILKKM SEREMBAN	75	75	75	0
6	ILKKM ALOR SETAR	66	66	66	0

Catatan :

Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan(PKP)/ Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) / Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan(PKPP), maka Pengajian Semester 6 bagi Sesi Julai-Dis 2020 (Pengambilan Jan 2018) ditangguhkan dan akan bermula pada Jan-Jun 2021.

4.1.3 Bilangan Calon Dari Kalangan Penolong Pegawai Perubatan Yang Memohon Kursus Lanjutan (Pos Basik/Diploma Lanjutan)

i) Sesi Mac/Mei 2020

BIL	BIDANG	JUMLAH CALON		
		MOHON	BERJAYA	LAPOR DIRI
1	DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN DIABETIS	19	15	11
2	DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN PENJAGAAN KESIHATAN	4	3	1
3	DIPLOMA LANJUTAN PENJAGAAN KECEMASAN	123	90	82
4	DIPLOMA LANJUTAN PERAWATAN GERONTOLOGI	1	1	1
5	DIPLOMA LANJUTAN PERAWATAN KESIHATAN MENTAL	10	6	5
6	SIJIL POS BASIK PERAWATAN REHABILITASI	3	3	2
7	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN ANESTESIA (SABAH&SARAWAK)	26	17	17
8	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN GASTROINTESTINAL ENDOSCOPY	6	4	4
9	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN KAUNSELING HIV/AIDS	14	11	9
10	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN KAWALAN INFEKSI	22	16	14
11	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PENJAGAAN DERMATOLOGI	2	2	1
12	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER	70	60	54
13	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN NEFROLOGI	43	37	31
14	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN OFTALMIK	12	10	10
15	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN ORTOPEDIK	31	27	27
16	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN OTORINOLARINGOLOGI	2	1	0
17	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN PERIANESTESIA	14	7	7
18	SIJIL POS BASIK/PENGKHUSUSAN PENJAGAAN LUKA	32	5	3
19	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERUBATAN FORENSIK	13	8	8
20	SIJIL POS BASIK/PENGKHUSUSAN PERUBATAN SUKAN	23	14	13
	JUMLAH	470	337	300

ii) Sesi September 2020

BIL	BIDANG	JUMLAH CALON		
		MOHON	BERJAYA	LAPOR DIRI
1	DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN DIABETIS			
2	DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN PENJAGAAN KESIHATAN			
3	DIPLOMA LANJUTAN PENJAGAAN KECEMASAN			
4	DIPLOMA LANJUTAN PENJAGAAN NEUROSAINS			
5	DIPLOMA LANJUTAN PENJAGAAN RAPI			
6	DIPLOMA LANJUTAN PENJAGAAN RESPIRATORI			
7	DIPLOMA LANJUTAN PERAWATAN KARDIOVASKULAR			
8	DIPLOMA LANJUTAN PERAWATAN KESIHATAN MENTAL	Tiada pengambilan untuk sesi september 2020 disebabkan situasi Pandemik Covid-19		
9	DIPLOMA LANJUTAN PERAWATAN PERIOPERATIF			
10	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN ANESTESIA (SABAH&SARAWAK)			
11	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN GASTROINTESTINAL ENDOSCOPY			
12	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN KAUNSELING HIV/AIDS			
13	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN KAWALAN INFEKSI			
14	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PENJAGAAN DERMATOLOGI			
15	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER			
16	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PENJAGAAN LUKA			
17	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PENJAGAAN REUMATOLOGI			
18	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN NEFROLOGI			
19	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN OFTALMIK			
20	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN ORTOPEDIK			
21	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN OTORINOLARINGOLOGI			
22	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERAWATAN PERIANESTESIA			
23	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERUBATAN FORENSIK			
24	SIJIL POS BASIK/ PENGKHUSUSAN PERUBATAN SUKAN			
JUMLAH				

iii) Bilangan keseluruhan calon kategori Penolong Pegawai Perubatan yang memohon kursus lanjutan (Pos Basik/Diploma Lanjutan) Bagi 2020

BIL	SESI PENGAMBILAN	JUMLAH CALON			JUMLAH CALON TOLAK TAWARAN					
		MOHON	BERJAYA	LAPOR DIRI	KESIHATAN	PERIBADI	MENGANDUNG	LETAK JAWATAN	TIADA PELEPASAN KETUA JABATAN	TIDAK LAPOR DIRI
1.	Mac/ Mei 2020	470	337	300	0	37	0	0	0	0
2.	September 2020	Tiada pengambilan untuk sesi September 2020 disebabkan situasi Pandemik Covid-19								

4.1.4 Laporan Aktiviti Pengurusan Peperiksaan Semester Akhir Lembaga Pembantu
Perubatan bersama Institusi Pengajian Swasta bagi Januari hingga Disember 2020

INSTITUSI PENGAJIAN SWASTA	AKTIVITI PENGURUSAN PEPERIKSAAN				JUMLAH
	PEMILIHAN SOALAN	KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN	PENGESAHAN SAMPEL JAWAPAN	PENGESAHAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN	
Kolej I System, Kuching Sarawak	0	3	3	2	8
Management & Science University	0	2	2	0	4
Kolej Antarabangsa MURNI	6	2	5	4	17
WIDAD University College	3	5	2	2	12
RAMSAY SIME DARBY Healthcare College	5	6	5	5	21
LINCOLN International University College	0	0	0	0	0
PICOMS International University College	8	3	1	3	15
Cyberjaya University College of Medical Science (CUCMS)	2	2	1	1	6
DSH Institut of Technology	4	9	3	3	19
University Kuala Lumpur (UniKL)	0	2	0	2	4
GEOMATIKA International University College	3	2	2	0	7
Institut Latihan Kesihatan ATM (INSAN)	1	1	2	1	5
JUMLAH	32	37	26	23	118

4.2 UNIT AKREDITASI & PEPERIKSAAN

4.2.1 Bilangan Lawatan Penilaian Akreditasi Bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Di Kolej Swasta Tahun 2020

BIL.	TARIKH	AKTIVITI
1.	27/02/2020	Lawatan Penilaian Akreditasi Sementara di Kolej IJN, Kuala Lumpur.
2.	21/09/2020 – 23/09/2020	Lawatan bersama MQA bagi Penilaian Akreditasi Penuh di Kolej Kesihatan Ramsay Sime Darby.
3.	05/10/2020 – 07/10/2020	Lawatan bersama MQA bagi Penilaian Akreditasi Penuh di Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.

4.2.2 Senarai IPTS yang mendapat Perakuan Akreditasi penuh bagi Program Diploma Pembantu Perubatan tahun 2020

BIL.	NAMA PPT	KOD PROGRAM	TEMPOH AKREDITASI PENUH	STATUS PERMOHONAN PEMBAHARUAN AKREDITASI PENUH
1	Kolej I-Systems Kuching	MQA/FA 6957	01/01/2019 – 31/12/2021	-
2	<i>Management & Science University (MSU)</i>	MQA/FA 5704	13/03/2018 – 12/03/2022	-
3	Kolej Antarabangsa Murni	MQA/FA 8746	01/04/2019 – 31/03/2022	-
4	<i>WIDAD University College</i>	MQA/FA 8834	29/03/2019 – 28/03/2022	-
5	Kolej Kesihatan Ramsay Sime Darby	MQA/FA 0966	26/09/2018 – 25/09/2020	Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh telah dibuat pada 21/09/2020 – 23/09/2020.

6	<i>Lincoln University College (LUC)</i>	MQA/FA 9108	28/11/2016 – 27/11/2019	Kolej tiada membuat permohonan pembaharuan Akreditasi Penuh ke MQA
7	Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS	MQA/FA 0391	16/10/2019 – 15/10/2020	Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh telah dibuat pada 05/10/2020 – 07/10/2020.
8	<i>University of Cyberjaya (UoC)</i>	MQA/FA 1947	09/08/2018 – 08/08/2021	-
9	UniKL – MESTECH	MQA/FA 4941	15/02/2020 – 14/02/2023	-
10	Kolej Antarabangsa Geomatika	MQA/FA 2797	30/10/2017 – 29/10/2020 Pelanjutan Tempoh Akreditasi Penuh : 30/10/2020 – 29/04/2021	-
11	DSH Institute Of Technology (D.I.T)	MQA/FA 4551	23/04/2018 – 22/04/2020 Pelanjutan Tempoh Akreditasi Penuh : 23/04/2020 – 22/02/2021	-
12	Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN)	MQA/FA 3504	09/07/2020 - 08/07/2021	-
13	Kolej IJN, Kuala Lumpur	MQA/PA 12882	-	Lawatan Penilaian Akreditasi Sementara telah dibuat pada 27/02/2020.

4.2.3 Aktiviti-aktiviti bagi persediaan pelaksanaan Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan Tahun 2020

BIL.	TARIKH	AKTIVITI
1.	02/03/2020 – 04/03/2020	Bengkel Penggubalan Soalan bagi Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan Siri 1/2020 di ILKMM Johor Bahru.
2.	05/03/2020 – 06/03/2020	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan Bil 1/2020 di Bilik Mesyuarat LPP.
3.	22/07/2020 – 23/07/2020	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan Bil 2/2020 di Bilik Mesyuarat LPP.
4.	18/09/2020	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan Bil 1/2020 di Bilik Mesyuarat CPPPP.
5.	06/10/2020	Mengadakan Peperiksaan Pra-Uji Soalan bagi Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan di Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS dan UniKL-MESTECH, Kajang.

4.2.4 Senarai PPT yang meterai perjanjian Memorandum of Agreement (MOA) bagi program Diploma Pembantu Perubatan, Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan & Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan Tahun 2020

BIL.	NAMA PPT & PROGRAM PENGAJIAN	TEMPOH PERJANJIAN MOA	STATUS PERMOHONAN PEMBAHARUAN MOA
1	Kolej I-Systems Kuching (Diploma Pembantu Perubatan)	15/01/2015 – 15/12/2020	Deraf MoA dalam semakan PUU
2	<i>Management & Science University (MSU)</i> (Diploma Pembantu Perubatan)	30/09/2017 – 29/09/2022	-
3	Kolej Antarabangsa Murni (Diploma Pembantu Perubatan)	26/05/2016 – 25/05/2021	-
4	<i>WIDAD University College</i> (Diploma Pembantu Perubatan)	24/11/2015 – 23/11/2020	Deraf MoA dalam semakan PUU

5	Kolej Kesihatan Ramsay Sime Darby (Diploma Pembantu Perubatan)	27/10/2016 – 26/10/2021	-
6	<i>Lincoln University College (LUC)</i> (Diploma Pembantu Perubatan)	07/09/2012 – 06/09/2017	-
7	Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS (Diploma Pembantu Perubatan)	21/01/2018 – 20/01/2023	-
8	<i>University of Cyberjaya (UoC)</i> (Diploma Pembantu Perubatan)	01/06/2015 – 31/05/2020	Deraf MoA dalam semakan PUU
9	UniKL – MESTECH (Diploma Pembantu Perubatan)	31/01/2017 – 30/01/2022	-
10	Kolej Antarabangsa Geomatika (Diploma Pembantu Perubatan)	28/04/2017 – 27/04/2022	-
11	DSH Institute Of Technology (D.I.T) (Diploma Pembantu Perubatan)	04/04/2016 – 03/04/2021	-
12	Open Universiti Malaysia (OUM) (Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan)	24/06/2015 - 23/06/2020	Deraf MoA dalam semakan PUU
13	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan)	24/06/2015 - 23/06/2020	Deraf MoA dalam semakan PUU

4.3 UNIT PERKEMBANGAN PROFESION

4.3.1 Aktiviti Unit

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Mesyuarat Khas Sambutan Hari Pembantu Perubatan	09 Feb 2020	IPKKM
2	Mesyuarat Post Mortem Konvensyen PPK 2019	10 Feb 2020	PKD Langkawi Kedah
3	Mesyuarat Teknikal Kebangsaan Pembantu Perawatan Kesihatan Bil 1/2020	11 Feb 2020	PKD Langkawi Kedah
4	Mesyuarat Ketua Penolong Pegawai Perubatan (KPPPN) 1/2020	11 – 13 Mac 2020	Pulau Pinang
5	Mesyuarat Ketua Penolong Pegawai Perubatan (KPPPN) 2/2020 (VC)	21 Mei 2020	IPKKM
6	Mesyuarat Ketua Penolong Pegawai Perubatan (KPPPN) 3/2020	05 – 07 Ogos 2020	Ipoh, Perak
7	Mesyuarat Teknikal Kebangsaan Pembantu Perawatan Kesihatan Bil 2/2020	24 Ogos 2020	PKD Port Dickson , Negeri Sembilan
8	Bengkel Pembangunan Struktur Latihan PPK 1/2020	08 – 10 Sept 2020	PLGDP Kulai, Johor
9	Mesyuarat Ketua Penolong Pegawai Perubatan (KPPPN) 4/2020 (VC)	15 Dec 2020	IPKKM

4.3.2 LAPORAN CME PPP IPKKM

LAPORAN PENCAPAIAN AKTIVITI CME PPP IPKKM 2020						
